

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PENSTRUKTURAN INDUSTRI AIR NEGERI SELANGOR

301. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini penstrukturana tersebut?
- b) Sila nyatakan apakah kekangan dan halangan yang dihadapi untuk merealisasikan penstrukturana tersebut?
- c) Sila nyatakan apakah implikasi kelewatan penyelesaian secara holistik terhadap Industri air dan kepentingan rakyat Selangor?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : PESTA MAKANAN DAN MINUMAN JERMAN

302. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendirian Kerajaan Negeri dalam penganjuran acara terbuka yang menghidangkan minuman keras?
- b) Apakah terdapat sebarang garis panduan untuk melarang Umat Islam dari mengunjungi pesta tersebut?

JAWAPAN:

Soalan 305 & 307 dijawab secara bersekali.

SPBT

- a) Permohonan untuk menganjurkan acara terbuka termasuk yang menghidangkan minuman keras perlu dirujuk bagi mendapatkan sokongan Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Sokongan daripada PDRM menjadi asas kepada PBT untuk meluluskan sesuatu permit menganjurkan acara terbuka dan penganjur perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh PBT termasuk mengambil faktor keselamatan dan kepatuhan kepada nilai-nilai moral masyarakat pelbagai kaum di Selangor.

JAIS

- b) Tiada sebarang garis panduan untuk melarang Umat Islam dari mengunjungi pesta tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : PROJEK PELUASAN *CULVERT-CULVERT* DI LORONG CHINNIAH
DAN JALAN RAJA LUMU DI PERSIMPANGAN LEBUH PENDAMAR
OLEH MAJLIS PERBANDARAN KLANG (MPK)**

303. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sama ada UPEN telah memberi kelulusan kepada perbelanjaan 2 projek tersebut?
- b) Sila memberi butir-butir dan anggaran kos terkini bagi 2 projek tersebut.
- c) Bila kerja akan dapat dimulakan di tapak?

JAWAPAN:

- a) Pihak UPEN telah memberi kelulusan untuk satu projek iaitu kerja-kerja menaik taraf pembentung ke kotak di Jalan Raja Lumu Pandamaran, Klang Selatan.
- b) Anggaran kos projek di Jalan Raja Lumu adalah RM219,100.00. Kerja-kerja melibatkan pelebaran pembentung ke kotak di Jalan Raja Lumu.
- c) Tarikh mula kerja adalah pada 9 Oktober 2017 dan tarikh tamat kerja adalah pada 22 April 2018.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN PROJEK KERAJAAN PERSEKUTUAN DI DALAM
NEGERI SELANGOR**

304. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah garis paduan Kerajaan Selangor merujuk sebelum meluluskan pembangunan projek Kerajaan Persekutuan yang melibatkan tanah Kerajaan Selangor?
- b) Siapakah yang menjadi pemantau Projek-projek Kerajaan Persekutuan di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Dari sudut perancangan, pembangunan projek Kerajaan Persekutuan yang melibatkan tanah Kerajaan Selangor secara prinsipnya akan melalui proses **Rundingan Projek Kerajaan melalui Jawatankuasa Teknikal - Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JKT-JPNS)**. Ketetapan ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 20A Akta Perancangan Bandar & Desa (Akta 172) 1976 dan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil 5/2009 bertarikh 30 Oktober 2009 serta Pekeliling KSU Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bertarikh 14 Oktober 2009.

Projek – projek Kerajaan Persekutuan seperti masjid, sekolah dan juga premis - premis kerajaan ini akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal-Jawatan kuasa Perancang Negeri Selangor (JKT- JPNS) yang dipengerusikan bersama oleh Pengarah **PLANMalaysia@Selangor** dan Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor manakala **PLANMalaysia@Selangor** sebagai urus setia.

- b) **JPBD**

Projek-Projek Kerajaan Persekutuan di Selangor adalah dipantau oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor (ICU JPM) Jabatan Perdana Menteri.

AGIHAN (UPEN)

Pemantau bagi projek-projek Kerajaan Persekutuan di Selangor adalah agensi yang terlibat dalam pelaksanaan dan pengendalian projek tersebut. Contohnya

bagi Projek Loji Rawatan Air Langat 2 dikendalikan dan dipantau oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PESTA ARAK

305. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah terdapat sebarang kekangan yang mengakibatkan Kerajaan Negeri tidak berani mengharamkan Pesta Arak di Selangor?
- b) *Sub-soalan telah di tolak.*

JAWAPAN:

Soalan 302 & 307 dijawab secara bersekali.

- a) Permohonan untuk menganjurkan acara terbuka termasuk yang menghidangkan minuman keras perlu dirujuk bagi mendapatkan sokongan Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Sokongan daripada PDRM menjadi asas kepada PBT untuk meluluskan sesuatu permit menganjurkan acara terbuka dan pengajur perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh PBT termasuk mengambil faktor keselamatan dan kepatuhan kepada nilai-nilai moral masyarakat pelbagai kaum di Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PEMBERIAN TANAH KEPADA SEKOLAH

306. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandangkan Kementerian Pendidikan telah memberi kelulusan kepada SMJK Yu Hua 2, dan tanah yang diperuntukkan oleh pemaju sebagai penderma kurang daripada 10 ekar, adakah Kerajaan Negeri sedia memberi sebidang tanah seluas melebihi 10 ekar seperti yang disyaratkan oleh kementerian.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri amat komited dalam memastikan penyediaan tanah untuk tujuan pembinaan sekolah melalui pemakaian Manual Garis Panduan Piawaian Perancangan Negeri Selangor. Bagi pembangunan yang menjana tadahan penduduk berjumlah dari 3,000 orang hingga 7,500 orang perlu menyediakan tapak sekolah rendah seluas 6 ekar. Manakala pembangunan yang menjana tadahan penduduk berjumlah 9,000 orang perlu menyediakan tapak sekolah menengah seluas 9 ekar. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan mana-mana pemilik tanah yang berhasrat untuk menyerahkan tanah bagi tujuan tapak sekolah atau membangunkan tanah miliknya sebagai sekolah bantuan modal. Bagi pemilik yang berhasrat membangunkan tanah miliknya sebagai sekolah bantuan modal dan diperakurkan oleh Kementerian Pendidikan atau berdaftar dengan majlis atau jabatan agama Islam, insentif akan diberikan melalui cukai tanah secara nominal berjumlah RM1.00 per hak milik. Bagi kes SMJK Yu Hua 2, sekiranya penderma tanah kurang 10 ekar, dan terdapat tanah Kerajaan yang sesuai untuk dijadikan sekolah, Kerajaan Negeri sedia mempertimbangkan untuk meluluskan pemberimilikan sebagai tapak sekolah bantuan modal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : ISU PENGANJURAN PESTA ARAK (OKTOBERFEST)

307. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar atau pendirian Kerajaan Negeri terhadap penganjuran pesta arak secara besar-besaran di Selangor?
- b) Apakah SOP yang diguna pakai oleh pihak PBT terhadap penganjuran pesta arak dari peringkat permohonan permit sehingga ke tahap penganjurannya?

JAWAPAN:

Soalan 302 & 305 dijawab secara bersekali.

a) dan b)

Permohonan untuk menganjurkan acara terbuka termasuk yang menghidangkan minuman keras perlu dirujuk bagi mendapatkan sokongan Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Sokongan daripada PDRM menjadi asas kepada PBT untuk meluluskan sesuatu permit menganjurkan acara terbuka dan penganjur perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh PBT termasuk mengambil faktor keselamatan dan kepatuhan kepada nilai-nilai moral masyarakat pelbagai kaum di Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHRU)**

TAJUK : JETI TANJUNG SEPAT

308. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kos dan status projek pembinaan Jeti Tanjung Sepat dan benteng penahan ombak yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.
- b) Nyatakan agensi kerajaan yang akan mengendalikan Jeti Tanjung Sepat dan kawasan sekitarnya selepas siap dibina.

JAWAPAN:

- a) **JPS**

Projek pembinaan jeti Tanjung Sepat telah siap sepenuhnya pada 15 Ogos 2017 dengan kos RM 3,168,229.05.

- b) **JPS**

Cadangan agensi kerajaan yang akan mengendalikan jeti Tanjung Sepat dan kawasan sekitarnya selepas siap dibina adalah seperti berikut:

- 1) Jeti - di bawah bidang kuasa LUAS
- 2) Dataran – di bawah bidang kuasa Majlis Daerah Kuala Langat

LUAS

MAKLUMAT TAMBAHAN

TAJUK KERJA	: KERJA-KERJA MEROBOH, MEMBINA BARU JETI NELAYAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI TANJUNG SEPAT, DAERAH KUALA LANGAT
NO. KONTRAK	: JPS/N/SEL/PT/20/2015
KONTRAKTOR	: GENUINE APPROACH ENTERPRISE
HARGA KONTRAK	: RM 3,168,229.05
TARIKH MULA	: 9 SEPTEMBER 2015
TARIKH SIAP ASAL	: 24 JANUARI 2017
EOT 1	: 28 MAC 2017
EOT 2	: 31 MEI 2017
EOT 3	: 15 OGOS 2017
CPC	: 15 OGOS 2017

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : PROGRAM PERKAHWINAN BELIA

309. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandangkan pasangan muda terbeban dengan kos perkahwinan. Apakah Kerajaan Negeri Selangor bercadang untuk menambah sumbangan Hadiah perkahwinan sedia ada?
- b) Bagi memastikan perlaksanaan perkahwinan tercapai, apakah Kerajaan Negeri Selangor mempertimbangkan utk program perkahwinan belia beramai-ramai di setiap DUN, 3 kali setahun dengan kos yang minima?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Insentif Perkahwinan Belia di bawah Program Insentif Peduli Rakyat (IPR) yang bertujuan untuk menjadikan program ini selari dengan matlamat Pembangunan Berkualiti Rakyat Dipeduli. Seterusnya, program ini juga merupakan satu inisiatif Kerajaan Negeri dalam mensejahterakan rumah tangga dan keluarga di Negeri Selangor di samping sebagai insentif kepada golongan belia di Negeri Selangor yang baru mendirikan rumah tangga.
Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih mengekalkan kadar insentif yang diberikan kerana Kerajaan Negeri baru menaikkan kadar insentif perkahwinan ini daripada RM200.00 seorang kepada RM500.00 seorang pada tahun 2014.
- b) Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan perkahwinan di Negeri Selangor dalam usaha untuk mensejahterakan rumah tangga dan keluarga di Negeri Selangor. Justeru itu, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah melaksanakan Program Perkahwinan Perdana di sembilan (9) daerah di Negeri Selangor bersekali dengan Program Karnival Kampungku Kesayanganku (3K) yang telah dilaksanakan bermula tahun 2016 yang mana ianya boleh disertai oleh semua rakyat Selangor yang berkahwin pada kali pertama.